

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
(DUNGUN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 29.11.2017

Y.B. TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan projek-pojek pembangunan hasil dari Dana Khas (Wang Ehsan) di Terengganu mulai tahun 2000 hingga September 2017.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mulai tahun 2000 hingga 2003, sejumlah RM3.672 billion daripada Akaun Dana Khas Kerajaan Persekutuan telah disalurkan kepada pelbagai agensi Persekutuan di Negeri Terengganu untuk membina projek pembangunan termasuklah pembinaan sekolah-sekolah, pembinaan jalan dan jambatan serta kemudahan asas. Mulai tahun 2004, peruntukan wang

ehsan yang merupakan terimaan tunai dari PETRONAS iaitu daripada pengeluaran minyak dan gas di luar pantai Terengganu telah disalurkan sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Terengganu.

Dana ini digunakan oleh Kerajaan Negeri untuk membiayai Bajet Negeri Terengganu yang dibentang dan diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Terengganu. Oleh itu, perincian perbelanjaan pembangunan yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Terengganu mulai tahun 2004 hingga 2017 boleh dirujuk dengan Kerajaan Negeri Terengganu.